

Tiada AP untuk import bahan makanan-PM Ismail Sabri

BERNAMA



my
Metro

DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob menjawab pertanyaan para pengamal media pada Sambutan Aidilfitri bersama warga JPM di Puspanitapuri hari ini. FOTO Bernama

Putrajaya: Kerajaan bersetuju untuk tidak mengenakan permit import (AP) bagi mengimport sebarang bahan makanan berkuat kuasa serta merta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikannya hari ini, bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

"Ini akan membolehkan semua pihak untuk mengimport sebarang bahan makanan ke negara ini," katanya kepada media ketika menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Puspanitapuri di sini.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan mengumumkan butiran lanjut berhubung AP untuk import bahan makanan itu.

"Dulu ada AP daging dan lembu, mulai hari ini tidak ada lagi dan sesiapa sahaja boleh import apa sahaja bahan makanan dari negara luar untuk pastikan cukup bekalan," katanya.

Disiarkan pada: Mei 18, 2022 @ 3:35pm